

Mahathir akan jelas peranan ekonomi China

KUALA LUMPUR, Sabtu — Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad akan membuat satu ucapan dasar mengenai pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan hubungannya dengan kegiatan ekonomi China Malaysia bila beliau merasmikan Kongres Pertama Ekonomi China di sini pagi Ahad ini.

Dalam ucapan penting itu, beliau dijangka akan menegaskan tentang peranan yang patut dimainkan oleh masyarakat China bagi menjayakan Dasar tersebut.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian juga akan menyentuh pelaksanaan Akta Penyelarasan Perindustrian.

Adalah difahamkan beliau akan mengulangi penegasan Kerajaan terhadap pelaksanaan Akta tersebut di samping menyentuh perlunya semangot kerjasama ekonomi antara kaum di negara ini bagi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara.

Bagaimanapun, Dato Seri Dr. Mahathir tidak akan menghadiri upacara

pembukaan Kongres Ekonomi China anjuran Dewan Perniagaan dan Perusahaan China Malaysia, kerana menghadiri mesyuarat Majlis Tertinggi Umno Malaysia yang akan berlangsung pada pagi Ahad juga.

Ucapan beliau akan disampaikan oleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Dato Lew Sip Hon.

Seorang jurucakap Dewan Perniagaan dan Perusahaan China Malaysia di sini memberitahu hari ini, Kongres Ekonomi China yang pertama kali dianjurkan itu akan membincangkan antara lain:

● Bagaimana mewujudkan kerjasama ekonomi antara kaum, khususnya China dan Bumiputera bagi menjayakan segala dasar Kerajaan mengenai ekonomi di samping tidak menjejaskan sebarang kaum.

● Mengulangkaji kedudukan ekonomi kaum China selepas pencapaian kemerdekaan di samping menyelidik bidang-bidang yang dapat disumbangkan bagi mempercepat pertumbuhannya.